

## KERTAS PENDEDAHAN PRODUK

Bacalah Kertas Pendedahan Produk ini bersama-sama Terma dan Syarat Hong Leong BizOne Solution sebelum anda menetapkan untuk mengambil produk ini:

**Kemudahan Overdraft Hong Leong BizOne Solution**

Anda dipersilakan untuk menghubungi pihak Bank, jika perlu.



Tarikh: <<Tarikh Permohonan>>

### 1. Apakah produk ini?

- Kemudahan Overdraft (OD) Hong Leong BizOne Solution adalah dikira berdasarkan kadar berubah.
- Faedah atas kemudahan OD adalah dikira berdasarkan baki harian dan dikenakan atas amaun yang digunakan sahaja.
- Anda menawarkan Deposit Tetap Entiti Perniagaan anda / Deposit Tetap Syarikat dan/atau Deposit Tetap individu pihak ketiga lain yang diterima oleh pihak Bank sebagai cagaran bagi kemudahan ini.
- Sijil asal Deposit Tetap terpilih dan Surat Tolak Selesai hendaklah dicop “Held Under Lien”.
- Anda boleh mengeluarkan dana lebih daripada akaun anda setakat had OD yang diluluskan sahaja.
- Perletakan FD minimum adalah RM 10,000 pada kadar semasa bertempoh 1 bulan.
- Amaun minimum OD adalah RM10,000 sehingga amaun maksimum RM3,000,000.

### 2. Apakah yang saya perolehi daripada produk ini?

Kemudahan Overdraft BizOne

Butiran	Penerangan					
Amaun Kemudahan	RM < Jumlah Amaun Dipinjam >					
Margin Pembiayaan	100%					
Tempoh Pembayaran Balik	Tertakluk kepada semakan tahunan oleh pihak Bank					
Kadar Ditetapkan / Faedah OD	<table border="1"><thead><tr><th>Kadar Ditetapkan</th><th>Kadar Pinjaman Efektif</th></tr></thead><tbody><tr><td>FD 1M : 2.95% setahun + 1.50% setahun</td><td>4.45% setahun</td></tr></tbody></table>		Kadar Ditetapkan	Kadar Pinjaman Efektif	FD 1M : 2.95% setahun + 1.50% setahun	4.45% setahun
Kadar Ditetapkan	Kadar Pinjaman Efektif					
FD 1M : 2.95% setahun + 1.50% setahun	4.45% setahun					

- Kemudahan Overdraft perlu dibayar balik atas permintaan pihak Bank.
- Kadar Semasa FD 1 bulan adalah 2.95% setahun setakat 1 Jun 2015.

### 3. Apakah obligasi saya?

**Penting:** Amaun bayaran balik bulanan anda (ansuran) dan jumlah amaun bayaran balik akan berubah jika Overnight Pricing Rate (OPR) berubah.

- Kemudahan OD perlu dibayar balik atas permintaan pihak Bank.
- Faedah yang dikenakan atas kemudahan OD perlu dibayar setiap bulan.

*Bagi Kemudahan Overdraft, anda hendaklah membayar faedah setiap bulan berdasarkan amaun yang digunakan. Amaun faedah kena bayar boleh berubah; berdasarkan penggunaan Kemudahan itu. Sekiranya Overdraft itu tertakluk kepada penurunan had tahunan menurut terma dan syarat yang ditetapkan oleh Bank, maka anda hendaklah membayar balik amaun yang diperlukan untuk memastikan Overdraft itu dikendalikan dalam lingkungan had yang diturunkan pada setiap masa.*

Bank boleh mengubah amaun bayaran balik bulanan anda apabila:

- jumlahnya tidak mencukupi untuk membayar faedah pinjaman anda; atau
- bahagian bayaran balik pokok bulanan adalah kurang daripada 10% amaun bayaran balik bulanan anda; atau
- semakan semula amaun bayaran balik bulanan anda perlu dibuat oleh pihak Bank atau anda sendiri.

### 4. Apakah fi dan caj yang saya kena bayar??

#### • Duti Setem

Menurut Akta Duti Setem 1949 (pindaan 1989), ad valorem 0.5% akan dikenakan atas amaun kemudahan OD.

- Fi Pembayaran**  
Fi Pembayaran termasuk tetapi tidak terhad kepada fi pendaftaran bagi Borang 34, cukai barang & perkhidmatan dan apa-apa cukai atau levi lain mengikut fi skala yang dikenakan oleh pihak-pihak berkuasa berkenaan.
- Fi Pemprosesan**  
Fi yang dikenakan atas Kemudahan OD yang diluluskan sekali sahaja. Pada masa ini semua fi pemprosesan adalah dikecualikan.
- Fi Guaman**  
Fi Guaman akan dikenakan bagi penetapan dan pendaftaran dokumentasi pinjaman/cagaran berkaitan.
- Yuran Komitmen**  
1% setahun dikenakan atas amaun kemudahan OD yang tidak digunakan.
- Caj Perkhidmatan Setengah Tahunan**  
Apabila baki purata bagi setengah tahun adalah kurang daripada RM1,000, Caj Perkhidmatan Setengah Tahunan sebanyak RM10.00 (termasuk GST) setiap setengah tahun akan dikenakan atas Akaun Semasa.

**Penting:** Mulai 1 April 2015, Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) sebanyak 6% akan dikenakan ke atas fi dan caj, jika berkenaan.

#### 5. Bagaimakah cara saya membuat bayaran balik bulanan?

Bayaran balik bulanan boleh dibuat secara mudah melalui:

- Arahan tetap daripada akaun semasa Hong Leong Bank anda
- Perbankan Internet ([www.hongleongonline.com.my](http://www.hongleongonline.com.my) atau [www.hongleongconnect.my](http://www.hongleongconnect.my)) atau app telefon bimbit atau app tablet
- Sistem Bayaran Elektronik Malaysia (MEPS) atau Giro Antara Bank (IBG)\*

Kaedah lain bayaran balik termasuk:

- Pindahan ATM kepada akaun pembiayaan anda
- Deposit tunai ke dalam akaun pembiayaan anda menerusi Mesin Deposit Tunai
- Deposit cek ke dalam akaun pembiayaan anda menerusi Mesin Deposit Cek\*\*
- Membuat bayaran di kaunter cawangan Hong Leong Bank yang terdekat

**Penting:**

- \* Pembayaran IBG Dalam Talian hanyalah RM0.10 setiap transaksi dan pembayaran IBG menerusi mesin ATM adalah RM0.30 setiap transaksi.
- \*\* Mulai 2 Januari 2015, fi pemprosesan cek sebanyak RM0.50 dan duti setem sebanyak RM0.15 akan dikenakan ke atas setiap cek yang dikeluarkan.

#### 6. Apakah akan terjadi jika saya gagal menunaikan obligasi saya?

- Kadar faedah tambahan sebanyak 4.0% setahun atas BLR akan dikenakan ke atas amaun digunakan yang melebihi had berlaksana.
- Pihak Bank boleh menolak-selesai amaun FD yang dicagarkan dan/atau baki kredit dalam mana-mana akaun yang diselenggara dengan pihak Bank daripada baki hutang Kemudahan ini.
- Tindakan undang-undang akan diambil jika anda tidak mempedulikan notis-notis peringatan yang dikeluarkan oleh pihak Bank.
- Tindakan undang-undang terhadap anda boleh menjaskan penilaian kredit anda dan menyebabkan kredit anda menjadi lebih rumit atau mahal bagi anda.

#### 7. Bagaimana jika saya dapat melangsangkan pinjaman dalam tempoh terkunci?

- Tidak berkenaan bagi kemudahan BizOne OD.

#### 8. Adakah saya memerlukan perlindungan insurans?

- Tidak berkenaan.

## **9. Apakah tindakan saya jika maklumat perhubungan saya berubah?**

Jika maklumat perhubungan anda berubah, anda perlulah memaklumkan kepada pihak Bank untuk memastikan semua surat-menyurat dan komunikasi akan sampai ke tangan anda tepat pada masanya. Untuk mengemaskini butir-butir maklumat terkini anda, sila hubungi pihak Bank di +603 – 7626 8899 / +603 – 7661 7777 atau kunjungi mana-mana cawangan Bank di seluruh negara.

## **10. Di manakah saya boleh mendapat pertolongan dan tebus rugi?**

- Jika anda menghadapi kesulitan untuk membuat bayaran balik, anda hendaklah menghubungi pihak Bank secepat mungkin untuk membincangkan cara-cara lain untuk membayar balik. Anda boleh menghubungi Pusat Panggilan HLB di:  
Tel: +603 – 7626 8899 / +603 – 7661 7777 Fax: +603 – 7873 8228
- Anda juga boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk memberi perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturran semula hutang bagi individu. Hubungilah AKPK di:  
Tingkat 8, Maju Junction Mall  
1001, Jalan Sultan Ismail,  
50250 Kuala Lumpur.  
Tel: 1-800-22-2575  
E-mail: [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)
- Jika anda ingin membuat aduan tentang produk atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak Bank, hubungilah pihak Bank di:  
Hong Leong Bank Berhad  
Tel: +603-7626 8899 / +603-7661 7777  
E-mail: [HLOnline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:HLOnline@hlbb.hongleong.com.my)
- Jika kemasukan atau aduan anda tidak dapat diselesaikan oleh pihak Bank, anda dinasihatkan supaya menghubungi: Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:  
Block D, Bank Negara Malaysia  
Jalan Dato' Onn,  
50480 Kuala Lumpur.  
Tel: 1-300-88-5465  
Fax: +603-2174 1515  
E-mail: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

## **11. Bagaimakah saya boleh mendapat maklumat lebih lanjut?**

Jika anda memerlukan maklumat tambahan tentang hal pembiayaan Perusahaan Kecil dan Sederhana, sila rujuk kepada buku kecil *bankinginfo* bertajuk "Perusahaan Kecil dan Sederhana – Produk Pembiayaan bagi Perniagaan anda", yang terdapat di semua cawangan Bank dan laman web [www.bankinginfo.com.my](http://www.bankinginfo.com.my).

## **12. Lain-lain pakej pinjaman yang disediakan**

- [Pinjaman Kedai Perniagaan Hong Leong Bank](#)
- [Pinjaman Perumahan Perniagaan Hong Leong Bank](#)
- [Modal Kerja Perniagaan Hong Leong](#)

**MUSTAHAK: DEPOSIT TETAP ANDA DAN/ATAU SEBARANG BAKI KREDIT DALAM MANA-MANA AKAUN YANG DISELENGGARA OLEH PIHAK BANK BOLEH DITOLAK SELESAI JIKA ANDA GAGAL MENERUSKAN BAYARAN BALIK BAGI PEMBIAYAAN OVERDRAFT ANDA.**